

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 82 – SURAH AL-INFITHAR



https://youtu.be/3_mIsGWZk_0

VIDEO – [Durasi – 06m 05s] – SURAH AL-INFITHAR – Tafsir (Struktur Makro) – Maulana Muhd Asri Yusoff

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 82 – SURAH AL-INFITHAR

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:38](#) – Mesej Utama
- 2- [02:00](#) – Zaman Diturunkan
- 3- [02:21](#) – Kelebihan Surah Al-Infithar
- 4- [02:25](#) – Perkaitan Surah Al-Infithar Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya
- 5- [03:07](#) – Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

SINOPSIS

=====

MESEJ UTAMA SURAH AL-INFITHAR

=====

1. Jangan lalai, kamu hendaklah sentiasa beriman dan beramal shaleh.
2. Kita jangan bergantung dan berharap diberikan syafaat dari orang lain bahkan hendaklah berusaha untuk mendapat rahmat Allah dengan amalan kita sendiri.
3. Kesudahan golongan "abrar" dan "fujjar" adalah tidak sama. "Abrar" (yang baik-baik) dan "fujjar" (orang jahat-jahat) adalah berbeza.

=====

KELEBIHAN SURAH AL-INFITHAR

=====

Rasulullah s.a.w. bersabda : إِذَا السَّمَاءُ انْفَطَرَتْ وَإِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ
Bermaksud: Sesiapa yang hendak melihat hari kiamat seolah-olahnya dengan mata kepalanya dia hendaklah membaca " إِذَا السَّمَاءُ انْفَطَرَتْ, وَإِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ " dan

Di dalam surah ini dinyatakan 5 proses kejadian manusia: (1) (خَلَقَ) iaitu Allah mencipta dan mengatur kejadiannya (2) (سَوَّاهُ) iaitu Allah menjadikan anggota manusia sesuai dengan tujuan anggota itu diadakan (3) (فَعَدَّلَهُ) iaitu Allah menjadikan binaan tubuh badannya sama padan dengan kekuatannya; (4) Tashwir (صورة) iaitu memberi rupa dan bentuk (5) Tarkib (رَكَّبَهُ) iaitu menyusun tubuh manusia sesuai dengan rupa dan bentuk yang dikehendaki-Nya

NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

NOTA TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 82 – AL-INFITHAR

[<https://raudhahguranschool.files.wordpress.com/2020/06/82.-surah-al-infithar.pdf>]